

Manfaat Skim 1Pelajar 1Perniagaan



Saifuddin Nasution (lima dari kiri) bersama penyumbang zakat pada Program 1st Step anjuran SSM dengan kerjasama BPTLY, KPM di Kolej Vokasional Sungai Buloh, baru-baru ini

Sungai Buloh: Seramai 46,331 pelajar seluruh negara menerima manfaat Skim 1Pelajar 1Perniagaan (SIPIP) membabitkan peruntukan sebanyak RM2.9 juta.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggubina (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata RM2.9 juta itu digunakan daripada sejumlah RM10 juta yang diperuntukkan bagi program itu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu seramai 2,019 pelajar ialah usahawan baharu terdiri daripada pelajar aliran teknikal dan vokasional yang mendaftar dan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Peluang ini perlu dimanfaatkan kepada semua pelajar kolej dan universiti seluruh negara sebagai langkah permulaan menjadi seorang usahawan berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program 1st Student Entrepreneurship (1st Step) anjuran SSM dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Teknik, Latihan dan Vokasional (BPTLY) Kementerian Pendidikan (KPM) di Kolej Vokasional Sungai Buloh, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi SSM, Datuk Muez Abd Aziz; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) SSM, Nor Azimah Abdul Aziz; Timbalan Pengarah Pengoperasian Sekolah BPTLY, Datuk Haizir Hussin dan Pengarah Kolej Vokasional Sungai Buloh, Ahmad Abdul Razak.

Saifuddin berkata, penganjuran program itu adalah satu langkah proaktif pihak SSM dalam usaha memperkenalkan slogan 'Perniagaan Satu Kerjaya' sebagai usaha menarik perhatian

pelajar menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya selepas tamat pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional.

Katanya, sepanjang tujuh loka kasi penganjuran siri jelajah 1st Step pada 2018 dan empat siri jelajah 1st Step (2019), SSM merekodkan penyertaan lebih 10,000 pelajar.

"Daripadajumlah itu, seramai 2,019 usahawan baharu terdiri daripada pelajar aliran berkeupayaan memenuhi syarat pendaftaran perniagaan mendaftar, iaitu perniagaan dengan SSM," katanya.

Program 1st Step melabuhkan tirainya tahun ini, di Kolej Vokasional Sungai Buloh. Penganjurannya adalah rentetan daripada siri jelajah yang dilaksanakan di Kolej Vokasional Nibong Tebal; Kolej Vokasional Pengkalan Chepa; Sekolah Menengah Teknik Melaka dan Kolej Vokasional Port Dickson.